

SA 417/2019 m/s 37

JPS, Jabatan Perikanan diminta siasat punca Kuala Sungai Pinang cetek



GEORGETOWN - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Jabatan Perikanan Pulau Pinang digesa menyiasat masalah saliran cetek di Kuala Sungai Pinang, Balik Pulau di sini.

Pemangku Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), Mohideen Abdul Kader berkata, siasatan mendapati masalah itu berpunca daripada sisa buangan kolam ternakan udang ke kawasan berkenaan.

Menurutnya, masalah berlarutan

sejak lebih 10 tahun yang lalu itu dibimbangkan boleh mencemarkan alam sekitar, kawasan perikanan dan menyebabkan banjir kilat jika tidak ditangani segera.

“Tinjauan CAP mendapati sisa buangan dari kolam ternakan udang itu mengalir ke laut.

“Kita bimbang sisa buangan itu mengandungi bahan beracun,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Saliran semakin cetek didakwa berpunca daripada pembuangan sisa dari kolam ternakan udang di Kuala Sungai Pinang.